

PRINSIP-PRINSIP PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: IBRAH DARIPADA SURAH YUSUF

ISLAMIC PRINCIPLES OF PRUDENT FINANCIAL MANAGEMENT: INSIGHTS FROM SURAH YUSUF

Fathiah Fathil^{1*}
Muhammad Yusri Yusof@Salleh²
Juriah Mohd Amin³
Ahmad Rozaini Ali Hasan⁴
Masthurhah Ismail⁵

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Bandar Seri Iskandar 36100, Perak, Malaysia (E-mail: fathi397@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Bandar Seri Iskandar 36100, Perak, Malaysia (Email: yusri613@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Bandar Seri Iskandar 36100, Perak, Malaysia (Email: juria876@uitm.edu.my)

⁴Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Bandar Seri Iskandar 36100, Perak, Malaysia (Email: ahmad@uitm.edu.my)

⁵Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Bandar Seri Iskandar 36100, Perak, Malaysia (Email: masth080@uitm.edu.my)

*Corresponding author: fathi397@uitm.edu.my

Article history

Received date : 9-6-2025
Revised date : 10-6-2025
Accepted date : 25-7-2025
Published date : 29-7-2025

To cite this document:

Fathil, F., Salleh, M. Y. Y., Amin, J. M., Hasan, A. R. A. & Ismail, M. (2025). Pinsip-prinsip pengurusan kewangan berhemaah menurut perspektif Islam: ibrah daripada surah Yusuf. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 724 - 731

Abstrak: Pengurusan kewangan yang berhemaah merupakan elemen penting dalam menjamin kestabilan ekonomi mikro dan juga makro. Dalam konteks Islam, prinsip pengurusan kewangan bukan sahaja bersifat material, bahkan turut berpaksikan nilai spiritual, etika dan kebertanggungjawaban sosial. Surah Yusuf, salah satu surah dalam al-Qur'an yang sarat dengan kisah penuh ibrah, mengandungi panduan praktikal mengenai perancangan ekonomi jangka panjang, strategi pengurusan sumber ketika krisis serta kebijaksanaan dalam pengagihan hasil. Artikel ini bertujuan untuk menelusuri prinsip pengurusan kewangan berhemaah yang boleh digali daripada kisah Nabi Yusuf A.S. ketika mentadbir perbendaharaan Mesir. Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen yang melibatkan teks al-Qur'an, tafsir-tafsir muktabar serta karya-karya kontemporari berkaitan pengurusan kewangan dan ekonomi Islam. Hasil analisis mendapati prinsip utama seperti penilaian maklumat kewangan secara berhemaah, penyimpanan hasil ketika musim subur, kawalan perbelanjaan berasaskan keperluan serta kecekapan dalam pengagihan sumber ketika darurat, merupakan asas penting kepada tadbir urus kewangan bersepadu. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan Nabi Yusuf A.S. menggabungkan

elemen spiritual, intelektual dan pentadbiran yang seimbang wajar dijadikan model dalam pengurusan kewangan Islam kontemporari baik pada peringkat individu mahupun institusi.

Kata kunci: *Ibrah Surah Yusuf, pengurusan kewangan Islam, perancangan ekonomi, tadbir urus kewangan, strategi kewangan berhemah.*

Abstract: *Prudent financial management is a critical component in ensuring the economic stability of both individuals and nations. In the Islamic context, financial governance encompasses not only material aspects but is also grounded in spiritual values, ethical conduct, and social responsibility. Surah Yusuf, a chapter in the Qur'an rich with profound moral and administrative lessons, offers practical guidance on long-term economic planning, resource management during times of crisis, and wise distribution of wealth. This article aims to explore the principles of prudent financial management derived from the narrative of Prophet Yusuf (A.S.) during his administration of Egypt's treasury. This study employs a qualitative approach through document analysis, focusing on selected Qur'anic verses, classical tafsir works, and contemporary literature related to Islamic financial management. The findings indicate that key principles such as the prudent evaluation of financial information, storage of surplus during times of abundance, needs-based expenditure control, and efficient distribution of resources in times of hardship form the foundation of integrated financial governance. The study concludes that the approach of Prophet Yusuf (A.S.) exemplifies a balanced model of spiritual, intellectual, and administrative leadership, which should be adopted as a guiding framework for contemporary Islamic financial management at both individual and institutional levels.*

Keywords: *Economic planning, financial ethics, Islamic governance, prudent financial management and Surah Yusuf.*

Pengenalan

Pengurusan kewangan berhemah merupakan aspek penting dalam memastikan kelangsungan hidup individu, keluarga dan negara, khususnya dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi dan krisis kewangan global semasa. Dalam Islam, konsep pengurusan kewangan tidak hanya terhad kepada aspek teknikal dan keuntungan material semata-mata, tetapi turut mencakupi nilai spiritual, etika dan kebertanggungjawaban sosial (Rameli et.al, 2019). Dalam kata lain, kewangan Islam tidak hanya melibatkan perkiraan angka tetapi amalannya dianggap sebahagian daripada aspek sosial yang aktivitiinya dikaitkan dengan syariat Islam (Toshikazu Hayashi, 1995). Islam menggariskan prinsip yang seimbang antara keperluan duniawi dan ukhrawi, dengan menekankan konsep pertanggungjawaban (*mas'uliyah*), keadilan (*'adl*), dan amanah dalam mengurus harta (Alfiah, 2022). Surah Yusuf merupakan salah satu surah dalam al-Qur'an yang bukan sahaja sarat dengan nilai akhlak dan hikmah, tetapi turut mengandungi prinsip asas dalam pengurusan ekonomi dan kewangan. Kisah Nabi Yusuf A.S. mentadbir perbendaharaan Mesir sewaktu berlakunya musim kemakmuran dan kemarau tujuh tahun memperlihatkan satu model perancangan ekonomi yang cekap, berasaskan maklumat serta berpandangan jauh (*forward-looking*). Tindakan Baginda yang menyimpan hasil pertanian ketika musim subur dan mengagihkan secara terancang pada waktu kesempitan menggambarkan kecekapan dalam merancang, mengawal serta mengagih sumber secara sistematik dan ini adalah satu pendekatan yang sangat relevan dengan keperluan pengurusan kewangan moden. Namun begitu, penerapan ibrah daripada Surah Yusuf dalam konteks kewangan masih kurang diketengahkan secara tuntas dalam wacana pengurusan Islam kontemporari. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis prinsip kewangan yang dapat

digali daripada Surah Yusuf dengan menumpukan kepada aspek perancangan jangka panjang, pengurusan hasil dan sumber, serta kebijaksanaan dalam membuat keputusan ketika krisis. Kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan konseptual terhadap pemerkasaan disiplin pengurusan kewangan Islam yang holistik dan berteraskan wahyu (Said et. al, 2022).

Sorotan Literatur

Pengurusan kewangan dalam Islam merupakan bidang yang semakin mendapat perhatian dalam wacana akademik semasa. Prinsip kewangan Islam menekankan nilai tauhid, keadilan dan keseimbangan antara kepentingan individu dan kemaslahatan masyarakat. Ia juga menggabungkan dimensi etika, spiritual dan sosial dalam setiap bentuk transaksi kewangan. Berbeza daripada sistem konvensional yang berorientasikan keuntungan semata-mata, pengurusan kewangan dalam Islam menuntut penglibatan aspek amanah, ketelusan dan kebertanggungjawaban sebagai teras utama (Arwani & Priyadi, 2024). Dalam konteks al-Qur'an, terdapat banyak ayat yang menjadi asas kepada pembangunan sistem kewangan Islam yang stabil dan berintegriti. Surah Yusuf sering dirujuk sebagai antara surah yang memuatkan petunjuk berkaitan pengurusan ekonomi dan kewangan. Kisah Nabi Yusuf A.S. mentadbir Mesir dalam keadaan krisis menunjukkan prinsip perancangan strategik yang tersusun dan berkesan. Langkah penyimpanan hasil pertanian semasa musim subur untuk kegunaan ketika musim kemarau mencerminkan pendekatan kewangan yang berpandangan jauh dan berhikmah. Perkara ini relevan dengan konsep simpanan, dana kecemasan dan pengurusan aset dalam kewangan moden (Ardani & Mahmud, 2024).

Tambahan pula, pelantikan Nabi Yusuf A.S. sebagai penjaga perbendaharaan negara atas dasar kelayakan dan ilmu menunjukkan prinsip meritokrasi dalam pelantikan kepimpinan ekonomi. Ia menunjukkan bahawa seseorang pemimpin atau pengurus kewangan perlu memiliki kefahaman yang mendalam serta integriti yang tinggi untuk mengurus sumber dengan amanah. Dalam konteks ini, Surah Yusuf menjadi model pentadbiran yang menyeimbangkan antara ilmu, kebolehan dan ketakwaan sebagai ciri utama seorang pengurus sumber kewangan. Walaupun terdapat pelbagai kajian mengenai kewangan Islam secara umum, kajian yang mengintegrasikan nilai ibrah daripada Surah Yusuf dengan prinsip pengurusan kewangan kontemporari masih terhad. Maka, artikel ini tampil untuk mengisi kekosongan tersebut dengan mengetengahkan pendekatan al-Qur'an secara tematik sebagai sumber inspirasi kepada pengurusan kewangan Islam yang lebih menyeluruh dan berteraskan wahyu (Riski, 2024).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen untuk menelusuri prinsip-prinsip pengurusan kewangan berhemah yang terkandung dalam Surah Yusuf. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk menganalisis kandungan teks al-Qur'an yang memerlukan pentaftiran bersifat normatif, tematik dan reflektif terhadap konteks semasa. Sumber utama kajian ini ialah ayat-ayat terpilih daripada Surah Yusuf, khususnya ayat 47 hingga 49, ayat 55 dan ayat 88 hingga 90, yang mengandungi elemen-elemen berkaitan perancangan ekonomi, pengurusan perbendaharaan dan kebijaksanaan dalam pengagihan sumber. Ayat-ayat ini dianalisis melalui pendekatan tafsir tematik (*al-tafsīr al-mawḍū'ī*), iaitu dengan mengumpulkan dan menghuraikan kandungan ayat berdasarkan tema tertentu, dalam kes ini ialah kewangan dan ekonomi. Rujukan silang dibuat terhadap pelbagai karya tafsir muktabar seperti *Tafsir al-Ṭabarī*, *Tafsir al-Qurṭubī*, *Tafsir al-Munīr*, dan *Fi Zilāl al-Qur'ān*, bagi mendapatkan kefahaman yang lebih menyeluruh dan pelbagai sudut pandangan ulama.

Selain itu, analisis turut melibatkan dokumen-dokumen sekunder seperti artikel jurnal, buku dan laporan penyelidikan yang membincangkan pengurusan kewangan dalam Islam dan pengajaran daripada Surah Yusuf. Sumber-sumber ini digunakan untuk memadankan antara prinsip yang digali daripada teks al-Qur'an dengan kerangka pengurusan kewangan kontemporari, termasuk aspek seperti perancangan fiskal, simpanan strategik, pelantikan berdasarkan merit dan pengurusan sumber semasa krisis. Data yang diperoleh dianalisis secara analisis kandungan tematik, iaitu dengan mengenal pasti tema-tema utama yang berkait dengan pengurusan kewangan Islam. Tema-tema ini kemudiannya disusun dan dikembangkan dalam perbincangan berdasarkan prinsip asas syariah dan nilai praktikal dalam pengurusan masa kini. Kajian ini tidak bersifat empirikal, sebaliknya lebih menumpukan kepada penerokaan konseptual dan pemikiran kritis terhadap teks wahyu sebagai sumber panduan ekonomi Islam.

Dapatan dan Perbincangan

Hasil analisis terhadap ayat-ayat terpilih daripada Surah Yusuf menunjukkan bahawa al-Qur'an bukan sekadar menyampaikan kisah bersifat sejarah atau moral tetapi turut mengandungi prinsip asas dalam pengurusan kewangan dan ekonomi yang amat relevan dengan konteks semasa. Daripada kisah Nabi Yusuf A.S., beberapa dapatan penting dapat dikenalpasti yang menggambarkan pendekatan kewangan berhemah berdasarkan wahyu Ilahi. Pertama, Surah Yusuf ayat 47 hingga 49 mengandungi prinsip perancangan kewangan jangka panjang dan pengurusan sumber yang strategik. Nabi Yusuf A.S. merancang agar hasil tanaman yang diperoleh dalam tempoh tujuh tahun subur disimpan dan hanya sebahagian kecil digunakan untuk keperluan semasa. Perancangan ini dibuat bagi menghadapi tempoh kemarau selama tujuh tahun yang dijangka akan berlaku. Strategi ini sejajar dengan prinsip simpanan strategik, dana kecemasan (*emergency fund*) dan pengurusan lebihan (*surplus management*) dalam kerangka kewangan moden. Konsep ini menekankan keperluan untuk tidak membelanjakan semua hasil ketika zaman senang. Sebaliknya menabung sebagai langkah persediaan menghadapi krisis yang mendatang (Sholiha, 2024; Zahir et.al, 2023).

Kedua, ayat 55 memperlihatkan prinsip pelantikan berdasarkan integriti dan kompetensi. Nabi Yusuf A.S. memohon kepada Raja Mesir agar dilantik sebagai penjaga perbendaharaan negara dengan menyatakan bahawa beliau adalah seorang yang mengetahui cara menjaga perbendaharaan (*ḥafīẓ*) dan berpengetahuan (*‘alīm*). Ini menunjukkan bahawa pengurusan kewangan menuntut kelayakan intelektual dan amanah yang tinggi. Pelantikan pengurus kewangan atau pentadbir ekonomi dalam konteks kontemporari juga perlu mengambil kira aspek kecekapan, profesionalisme dan nilai moral yang kukuh agar tidak berlaku penyalahgunaan kuasa, ketirisan atau pembaziran dana awam. Ketiga, dapatan daripada ayat 88 hingga 90 menonjolkan aspek pengurusan krisis dan pengagihan sumber secara adil. Nabi Yusuf A.S. mengurus pembahagian bekalan makanan kepada masyarakat dan saudara-saudaranya dengan penuh hikmah, walaupun ketika itu negara sedang menghadapi kemarau yang panjang. Peristiwa ini menggambarkan keupayaan Baginda dalam menyeimbangkan antara keperluan rakyat dan ketegasan dasar serta menunjukkan ketelusan dan kebijaksanaan dalam pengagihan sumber terhad. Dalam kerangka ekonomi Islam, prinsip ini berkait rapat dengan konsep keadilan sosial (*‘adl ijtīmā’ī*), keberkesanan pentadbiran sumber awam dan pengurusan fiskal yang bertanggungjawab (Rahmati & Razali, 2025; Munir & Maulana, 2023).

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pengurusan kewangan berhemah bukan sekadar berkaitan dengan kecekapan teknikal, tetapi juga melibatkan nilai spiritual dan etika Islam. Kisah Nabi Yusuf A.S. membuktikan bagaimana kekuatan iman, kejujuran dan kesabaran menjadi asas kepada pengurusan yang berkesan. Dalam sistem kewangan Islam masa kini,

prinsip-prinsip seperti bebas riba, larangan gharar, pematuhan syariah dan amanah dalam pengurusan dana awam adalah cerminan daripada nilai-nilai ini. Oleh itu, Surah Yusuf memberikan model menyeluruh tentang bagaimana seorang pemimpin dan pengurus sumber harus berfikir, merancang dan bertindak secara berhemah dan bertanggungjawab.

Penekanan yang sama iaitu berkenaan keperluan konsep keahlian serta kelayakan (al-ahliyyah) pada pengurus harta telah dibincangkan dan dipersetujui oleh jumhur ulama Mazhab Fiqah termasuk Mazhab Syafi'i (Wahbah al-Zuhaili, 2002) sepertimana yang dijelaskan dalam surah an-Nisa 4:5 yang bermaksud;

Terjemahan: *Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan), harta yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu...*

Sifat kejahilan atau al-sufaha' (belum sempurna akal) dalam pengurusan harta bakal mengundang implikasi perbelanjaan yang defisit serta merugikan individu, keluarga, organisasi dan juga negara.

Keseluruhannya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa Surah Yusuf bukan sekadar kisah keteladanan, tetapi juga rujukan ekonomi yang bersifat praktikal dan kontemporari. Nilai-nilai yang ditonjolkan oleh Nabi Yusuf A.S. mampu dijadikan panduan dalam membentuk budaya pengurusan kewangan Islam yang efisien, beretika dan berpandangan jauh (Yulizar, 2024).

Jadual 1: Taburan Ayat Pengurusan Kewangan dalam Surah Yusuf

Ayat	Teks Ringkas Ayat (Terjemahan)	Tema Kewangan
Surah Yusuf: 47-49	Nabi Yusuf merancang agar hasil tanaman disimpan selama tujuh tahun subur untuk menghadapi tujuh tahun kemarau.	Perancangan ekonomi jangka panjang dan penyimpanan sumber
Surah Yusuf: 55	Nabi Yusuf memohon kepada raja agar dilantik menjaga perbendaharaan kerana dirinya seorang yang tahu menjaga dan berilmu.	Pelantikan kepimpinan berasaskan integriti dan kepakaran ilmu kewangan
Surah Yusuf: 88-90	Nabi Yusuf menguruskan pembahagian bekalan makanan kepada saudara-saudaranya dengan penuh kebijaksanaan dan integriti.	Pengurusan krisis dan pengagihan sumber secara adil

Sumber: Analisis Pengkaji

Model Pengurusan Kewangan Berhemah Berasaskan Ibrah Surah Yusuf

Berdasarkan analisis tematik terhadap ayat-ayat utama dalam Surah Yusuf, satu model konseptual dapat dibina untuk menggambarkan kerangka pengurusan kewangan berhemah yang bersifat menyeluruh, berpandangan jauh serta berpaksikan nilai-nilai Islam. Model ini terdiri daripada lima komponen utama yang saling melengkapi antara satu sama lain dan berpaksikan kepada teras tauhid sebagai asasnya. Komponen pertama ialah perancangan strategik dan simpanan berstruktur yang diambil daripada ayat 47 Surah Yusuf. Dalam ayat ini, Nabi Yusuf A.S. merancang supaya hasil tanaman selama tujuh tahun yang subur disimpan dan

hanya sebahagian kecil digunakan. Strategi ini menunjukkan pentingnya perancangan jangka panjang dalam kewangan termasuk pembentukan dana simpanan dan tabungan untuk masa depan. Prinsip ini menekankan bahawa kewangan perlu diurus secara sistematik agar tidak berlaku pembaziran dan supaya dapat menghadapi ketidaktentuan ekonomi (Kurniawan & Laela, 2024; Yahaya et. al, 2023). Ini sejajar dengan saranan pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang menyatakan bahawa perancangan kewangan perlu merangkumi lima langkah penting; penilaian kedudukan kewangan semasa, penetapan matlamat, penyediaan pelan kewangan, pelaksanaan pelan dan pemantauan dan penilaian semula pelan (AKPK, 2009)

Komponen kedua ialah kepimpinan kewangan berintegriti sebagaimana yang ditunjukkan dalam ayat 55 apabila Nabi Yusuf menawarkan diri untuk menjaga perbendaharaan Mesir kerana beliau seorang yang amanah dan berpengetahuan. Konsep ini menunjukkan bahawa pemegang amanah kewangan perlu memiliki dua ciri utama, iaitu integriti dan kompetensi. Pelantikan individu yang mengurus sumber ekonomi tidak boleh dilakukan secara sembarangan, sebaliknya perlu berpandukan merit, kemahiran dan kejujuran. Komponen ketiga ialah pengurusan krisis dan kecekapan operasi yang dapat difahami melalui ayat 49 dan 88 hingga 90. Dalam ayat ini, Nabi Yusuf menguruskan hasil yang disimpan untuk diagihkan sewaktu kemarau yang panjang dan juga menghadapi kehadiran orang luar termasuk saudara-saudaranya yang memerlukan bantuan. Strategi agihan yang bersifat sistematik dan telus mencerminkan kebolehan Baginda dalam mengurus krisis dengan cekap tanpa menjejaskan keseimbangan sumber negara. Ini relevan dengan pendekatan kontemporari dalam pengurusan fiskal ketika berdepan bencana alam, inflasi, era pandemik Covid 19 atau krisis ekonomi global (Berkah et. al, 2024).

Komponen keempat ialah pengagihan adil dan mesra rakyat, yang turut dirujuk daripada ayat-ayat yang menunjukkan kebijaksanaan Nabi Yusuf dalam melayani permintaan saudara-saudaranya dengan adil dan belas ihsan. Prinsip ini menekankan pentingnya elemen keadilan sosial, ihsan dan ketelusan dalam agihan bantuan, subsidi atau perbelanjaan negara. Ia juga mengingatkan bahawa keutamaan harus diberikan kepada golongan yang benar-benar memerlukan, agar tidak berlaku ketirisan atau ketidakadilan dalam penggunaan sumber. Ini dilakukan antara lain mengamalkan keutamaan dalam penggunaan iaitu *Dharuriyat* (keperluan asasi), *Hajiyyat* (keperluan bukan asasi) dan *Tahsiniyat* (keselesaan) tanpa melibatkan penggunaan *Tasrifiyyat* (pembaziran). Kelima dan paling penting, model ini berteraskan kepada tauhid dan nilai spiritual, yang menjadi latar seluruh kisah Surah Yusuf. Ketakwaan Nabi Yusuf, kebergantungan kepada Allah SWT, kesabaran dan sikap tidak membalas dendam adalah bukti bahawa pengurusan kewangan dalam Islam bukan sekadar urusan duniawi, tetapi juga suatu bentuk ibadah yang perlu dilaksanakan dengan penuh amanah dan keinsafan. Oleh itu, elemen spiritual ini berperanan sebagai landasan utama yang menyatukan keempat-empat komponen sebelumnya. Kesimpulannya, model ini menawarkan satu kerangka holistik untuk memahami dan mengaplikasikan prinsip-prinsip pengurusan kewangan Islam yang bukan sahaja efisien dari sudut teknikal, tetapi juga utuh dari segi etika dan kerohanian. Ibrah daripada Surah Yusuf memberikan inspirasi dan panduan praktikal dalam membina sistem kewangan yang lestari, adil dan berpaksikan nilai-nilai wahyu (Sholiha, 2024; Mutaqin et. al, 2024).



Rajah 1: Model Pengurusan Kewangan Berhemah Berasaskan Ibrah Surah Yusuf

Sumber: Analisis Pengkaji

Kesimpulan dan Saranan

Surah Yusuf merupakan salah satu surah yang sarat dengan nilai pengajaran dalam pelbagai dimensi kehidupan, termasuk aspek pengurusan kewangan dan ekonomi. Melalui penceritaan tentang peranan dan kebijaksanaan Nabi Yusuf A.S. dalam mentadbir perbendaharaan Mesir sewaktu menghadapi krisis kemarau yang panjang, al-Qur'an telah membekalkan prinsip asas pengurusan kewangan berhemah yang masih relevan sehingga hari ini. Antara prinsip utama yang dapat diambil sebagai ibrah ialah pentingnya perancangan kewangan jangka panjang, kepimpinan yang berintegriti dan berpengetahuan, pengurusan krisis secara sistematik serta pengagihan sumber secara adil dan penuh hikmah. Semua ini digabungkan dalam satu kerangka pengurusan kewangan Islam yang tidak hanya bersifat teknikal bahkan berpaksikan kepada tauhid dan nilai kerohanian yang tinggi. Melalui pendekatan tematik terhadap ayat-ayat Surah Yusuf, kajian ini mendapati bahawa nilai-nilai tersebut bukan sahaja menjadi asas kepada pengurusan fiskal dan kewangan negara tetapi juga boleh diaplikasikan dalam pengurusan kewangan individu, institusi, serta organisasi Islam. Dalam era ketidakpastian ekonomi global dan cabaran pengurusan kewangan peribadi yang semakin kompleks prinsip-prinsip ini wajar dijadikan panduan oleh semua peringkat masyarakat. Ia membuktikan bahawa al-Qur'an bukan sekadar sumber ibadah dan moral tetapi juga dokumen wahyu yang komprehensif dan mampu menyelesaikan pelbagai isu semasa dengan pendekatan yang holistik dan lestari.

Sehubungan itu, beberapa saranan wajar dikemukakan. Pertama, prinsip-prinsip pengurusan kewangan yang digariskan dalam Surah Yusuf wajar dijadikan asas dalam penyusunan kurikulum kewangan Islam di institusi pengajian tinggi agar generasi muda celik dalam aspek pengurusan ekonomi berasaskan wahyu bagi menghasilkan unsur pendapatan serta perbelanjaan yang berkat (Rohani, 2009). Kedua, institusi kewangan Islam dan penggubal dasar ekonomi perlu menilai semula pendekatan pengurusan mereka agar lebih seimbang antara matlamat keuntungan dan kebertanggungjawaban sosial dengan berteraskan nilai yang ditonjolkan dalam Surah Yusuf. Ketiga, pendidikan pengguna dan masyarakat awam perlu diperkasa melalui program literasi kewangan Islam yang menggabungkan aspek pengurusan harta dengan nilai spiritual dan etika. Dengan pelaksanaan beberapa saranan ini, prinsip pengurusan kewangan berhemah dalam Surah Yusuf bukan sahaja dapat dihayati tetapi juga dipraktikkan secara sistematik dan berimpak dalam kehidupan moden.

Rujukan

- AKPK. (2009). *Celik wang: Pengurusan wang secara bijak*. Kuala Lumpur: AKPK.
- Alfiyah, A., Luthfiyah, W., & Ishlah, N. (2022). Konsep balance dalam ayat etos kerja: Analisis QS. al-Syahr: 7, QS. al-Qasas: 77 dan QS. al-Jumu'ah: 10 perspektif tafsir Maqashidi. *QOF*, 6(1), 109–120.
- Ardani, B., & Mahmud, H. (2024). Konsep dan prinsip-prinsip manajemen perspektif al-Qur'an. *Karakter: Jurnal Riset Ilmu Pendidikan Islam*, 1(4), 137–148.
- Arwani, A., & Priyadi, U. (2024). Eksplorasi peran teknologi blockchain dalam meningkatkan transparansi dan akuntabilitas dalam keuangan Islam: Tinjauan sistematis. *Jurnal Ekonomi Bisnis dan Manajemen*, 2(2), 23–37.
- Berkah, D., Widiastuti, T., & Atiya, N. (2024). Shaping financial futures: How does Quran Surah Yusuf discuss the instruments of the state financial policy? *Al-Uqud: Journal of Islamic Economics*, 8(1), 42–55.
- Kurniawan, N. M., & Laela, S. F. (2024). Tadabbur Surah Yusuf: Praksis akuntan beretika. *Jurnal Akuntansi Multiparadigma*, 15(1), 111–130.
- Munir, M., & Maulana, I. R. (2023). Nilai-nilai kesabaran dalam kisah Nabi Yusuf. *JADID: Journal of Quranic Studies and Islamic Communication*, 3(2), 71–95.
- Mutaqin, K., Sulaeman, S., Janwari, Y., & Jubaedah, D. (2024). Teori pemikiran ekonomi mikro Islam perspektif Abu Ubaid dan Imam al-Syaibani. *Jurnal Economina*, 3(6), 670–683.
- Rahmati, A., & Razali, M. S. (2025). Kepimpinan kharismatik berdasarkan al-Quran perspektif tafsir al-Misbah karya Quraish Shihab. *Evaluasi: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 9(1), 159–171.
- Rameli, M. F. P., Amin, S. M., Man, N. C., Aris, N. M., & Abd Wahab, N. A. (2019). Pengurusan kewangan Islam dalam kalangan Muslimpreneurs menurut perspektif ilmuwan Islam di Malaysia. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 6, 79–85.
- Rohani, M. S. (2009). *Ke mana wang anda*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Riski, A. A., Tarigan, A. S., Lubis, S. A., & Vientiany, D. (2024). Aspek manajemen. *Jurnal Akademik Ekonomi dan Manajemen*, 1(4), 557–569.
- Said, R. A. R., Ilham, M., Rusdi, M., & Amiruddin, M. M. (2022). A critical review of traditional wisdom in the Quran: Exploring the value of *siri'in* Surah Yusuf. *Jurnal Adabiyah*, 22(1), 88–112.
- Sholiha, I. (2024). Perencanaan keuangan Nabi Yusuf AS dan kaitannya dengan manajemen resesi ekonomi. *At-Tasharruf: Jurnal Kajian Ekonomi dan Bisnis Syariah*, 6(2), 89–100.
- Toshikazu, H. (1995). *Perakaunan Islam: Impaknya terhadap perakaunan Barat* (Y. Ismail, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah, Z. (2002). *Fiqh dan perundangan Islam* (Jil. 4, Cet. 4, M. A. Yaacob et al., Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahaya, A. M., Yakob, M. A., Izham, S. S., Abdullah, M., & Moidin, S. (2023). Perancangan ekonomi keluarga dalam aspek pengurusan kewangan berpandukan kisah teladan Nabi Yusuf. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(1), 1–14.
- Yulizar, M. A. (2024). Ambisi dan karakter pemimpin menurut al-Quran dan hadist. *Religion: Jurnal Agama, Sosial dan Budaya*, 3(2), 1–26.
- Zahir, M., Pratama, A. I., & Shalihah, N. M. (2023). Model sosiologi ekonomi dalam perspektif al-Qur'an. *Al-Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 8(1), 47–64.